

BIDALAN DAN KATA-KATA HIKMAT
LATIHAN 1: PADANKAN BIDALAN DAN KATA-KATA HIKMAT DENGAN MAKNANYA YANG BETUL.

Bahasa menunjukkan bangsa	Berbilang dari esa, mengaji dari alif
Berfikir sebelum berkata, berunding sebelum dibuat.	Biar berkelahi dahulu, jangan berkelahi kemudian.
Berani menjual, berani membeli	Jangan pandang orang berkata, pandang apa dia kata.
Biar mati anak, jangan mati adat.	Bersatu teguh, bercerai roboh
Masa itu emas	Adat periuk berkerak, adat lesung berbedak

	Bidalan dan Kata-kata hikmat	Maknanya
1		Adat resam dan kebudayaan yang tidak boleh dilanggar.
2		Berani menerima risiko perbuatan.
3		Jangan melihat siapa yang berkata tetapi dengar apa yang dikatakannya.
4		Persefahaman dalam satu kumpulan dapat mendatangkan kejayaan, manakala perbalahan pula hanya mendatangkan perpecahan sesama sendiri.
5		Suatu perkara itu perlu difikirkan dan dibincangkan terlebih dahulu supaya tidak menyesal kelak.
6		Masa itu sangat berguna dan berharga.
7		Seseorang itu dapat dikenali keturunannya daripada tingkah laku dan tutur katanya.
8		Kalau hendak senang mesti sanggup susah.
9		Membuat kerja dari mula.
10		Fikir dulu baik-baik, baru bertindak.

LATIHAN B : ISI TEMPAT KOSONG DENGAN BIDALAN YANG SESUAI.

Biar mati anak jangan mati adat	Adat periuk berkerak, adat lesung berbedak	Berbilang dari esa, mengaji dari alif
Berani menjual berani membeli	Biar berkelahi dahulu, jangan berkelahi kemudian.	

- “kalau awak malas macam ni, sampai bila-bila pun awak tak akan berjaya, baru ada masalah sikit, awak dah putus asa, kalau hendak berjaya dan hidup senang ibarat bidalan _____, kita mesti berusaha dan bersusah-susah dahulu,” Kata emak memarahi Mazlan.
- Encik Hamid memecat Azlan yang didapati menggelapkan duit syarikat. Azlan akhirnya mengaku dan akur kerana baginya _____
- Warisan budaya kaum Melayu masih kekal sehingga ke hari ini kerana orang Melayu percaya _____
- “Inilah akibatnya perbuatan yang terburu-buru dan membuat keputusan tergesa-gesa tanpa berfikir panjang, akhirnya menyesal tak sudah, lain kali _____” nasihat Encik Hassan kepada anaknya.
- Hafizan tidak berputus asa walaupun projek yang dirancangnya selama berbulan-bulan itu gagal dilaksanakan, dia tetap berusaha dan memulakan projek tersebut dari mula, ibarat bidalan _____ kerana baginya gagal sekali tak bermakna gagal selama-lamanya.

